

JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
MALAYSIA

PEKELILING KEMAJUAN PENGURUSAN  
PENTADBIRAN TANAH  
BILANGAN 2 TAHUN 1998

PANDUAN PENGURUSAN TINDAKAN  
PENGUATKUASAAN

JAMINAN KUALITI: PRIHATIN DAN TUMPUAN GENERASI  
PENYAYANG

## **PANDUAN PENGURUSAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN**

### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk menerangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah dalam menguruskan tindakan penguatkuasaan ke atas penerokaan tanah Kerajaan secara haram di daerah masing-masing.

### **LATAR BELAKANG**

2. Tindakan penguatkuasaan ke atas penerokaan tanah Kerajaan secara haram merupakan salah satu daripada tindakan-tindakan yang diperlukan bagi menjamin keutuhan pengurusan di Pentadbiran Tanah Negeri dan Daerah. Kanun Tanah Negara telahpun memperuntukkan keperluan tersebut di bawah seksyen 425 dan 426. Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah bertanggungjawab dalam menguruskan tindakan penguatkuasaan ini dengan sempurna.

### **FAEDAH PEKELILING KEPADA PENTADBIRAN TANAH**

3. Pekeliling ini dapat memberi faedah-faedah berikut:
  - 3.1 Tindakan penguatkuasaan menjadi lebih sistematik;
  - 3.2 Menjimatkan masa dan kos pengurusan tindakan penguatkuasaan;
  - 3.3 Tindakan penguatkuasaan dijalankan secara bersepadu.
  - 3.4 Tindakan penguatkuasaan menjadi lebih mudah dan berkesan serta tidak menimbulkan masalah.

### **PENGHARGAAN**

4. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian merakamkan penghargaan kepada Pentadbir Tanah Daerah Kuala Terengganu kerana telah mencetuskan inovasi ini dan bersetuju membenarkan panduan ini disebar. Panduan ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Pengarah-Pengarah Tanah Malaysia Bil. 1/1998.

(DATO' WAN ABDUL WAHID BIN HAJI WAN HASSAN)



*Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan*

Tarikh: 24 Mac 1998

*Diedarkan kepada:*

Semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri

Semua Pentadbir Tanah

Semua Jabatan yang berkaitan dengan Pentadbiran Tanah

PEKELILING KEMAJUAN PENGURUSAN PENTADBIRAN TANAH BIL. 2 TAHUN 1998  
PANDUAN PENGURUSAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN

## 1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan untuk menerangkan kaedah-kaedah yang boleh diambil oleh pihak Pentadbiran Tanah Negeri dan Daerah dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas penerokaan tanah Kerajaan secara haram mengikut peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Kanun Tanah Negara (KTN) dan asas-asas perikemanusiaan.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Satu Garis Panduan Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Penerokaan Tanah Kerajaan dan Pengeluaran Bahan Batuan Secara Haram telah dikeluarkan oleh labatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian untuk digunapakai oleh Pentadbiran Tanah Negeri dan Daerah. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan garis panduan yang telah dikeluarkan seperti di **Lampiran 1**.
- 2.2 Perbuatan mencero boh tanah kerajaan secara haram merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang mengikut seksyen-seksyen 425(1), 426(1) dan 426(1A) KTN. Perbuatan ini sekiranya tidak dicegah oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah akan mengakibatkan kerajaan mengalami kerugian dan kehilangan hasil. Oleh yang demikian, tindakan tegas, segera dan berhati-hati adalah amat perlu kerana sebarang tindakan penguatkuasaan mempunyai risiko sosio-politik.
- 2.3 Beberapa masalah akan timbul sekiranya tindakan penguatkuasaan itu dilaksanakan dengan tidak teratur dan betul. Ia bukan sahaja tidak sah dan boleh dicabar di Mahkamah tetapi juga menyebabkan tindakan penguatkuasaan itu terpaksa dilakukan berulang kali dan menjadi sia-sia.
- 2.4 Dengan hal yang demikian, Pekeliling ini akan menjelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah bagi menjamin keberkesanan tindakan penguatkuasaan.

## 3. ISU PENGUATKUASAAN


- 3.1 Pentadbir-Pentadbir Tanah akan berhadapan dengan beberapa isu dan masalah dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan. Antaranya ialah:
- (i) Pematuhan kepada peruntukan undang-undang yang terdapat dalam KTN dan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri;
  - (ii) Bantuan dan kerjasama dari agensi-agensi lain;
  - (iii) Bantahan dan sungutan peneroka haram atau orang ramai kerana tidak dimaklumkan lebih awal atau tidak diberi peluang untuk mengambil tindakan meroboh sendiri atau berpindah ke tempat lain; dan
  - (iv) Keselamatan kakitangan semasa menjalankan operasi tidak dapat dijamin sepenuhnya.
- 3.2 Menyedari akibat dari masalah tersebut, satu kaedah penguatkuasaan digubal untuk diterimapakai oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan.

#### 4. PERLAKSANAAN PENGUATKUASAAN

4.1 Di bawah garis panduan ini, lima langkah utama disyorkan boleh diambil oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah bagi mengatasi isu dan masalah tersebut iaitu:

- (i) Peringkat siasatan dan laporan;
- (ii) Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Penguatkuasaan Daerah (JPPD);
- (iii) Pengeluaran notis secara pentadbiran mengikut peruntukan seksyen 431 KTN;
- (iv) Operasi peringkat pertama -pemotongan bekalan elektrik, telefon dan air; dan
- (v) Operasi peringkat kedua -perobohan bangunan dan pemusnahan tanaman.

4.2 Sistem Q bagi langkah-langkah di atas, dapat dilihat di bawah ini:



### 4.3. Peringkat Siasatan dan Laporan

- 4.3.1 Di peringkat ini, siasatan ke atas kes penerokaan tanah Kerajaan akan dijalankan oleh Unit Penguatkuasa Pejabat Tanah. Mereka akan membuka fail dan menjalankan siasatan serta melaporkan kes penerokaan tersebut dari segi lokasi, keluasan tanah, jenis tanaman, jenis dan jumlah bangunan, kemudahan asas yang dinikmati, butir-butir penghuni dan lain-lain dengan jelas dan terang.
- 4.3.2 Pegawai Petempatan hendaklah menyiapkan laporan kes tersebut dalam jangka masa satu (1) minggu dan diserahkan kepada Pentadbir Tanah. Pentadbir Tanah akan meneliti laporan tersebut dan membuat keputusan untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa Petugas Penguatkuasaan Daerah.

### 4.4. Jawatankuasa Petugas Penguatkuasaan Daerah

- 4.4.1 Keahlian dan bidang tugas Jawatankuasa ini telah dinyatakan dalam garis panduan di **Lampiran 1**. Pentadbir Tanah hendaklah memanggil mesyuarat Jawatankuasa Petugas Penguatkuasaan Daerah ini secepat mungkin setelah menerima laporan dari Pegawai Petempatan.
- 4.4.2 Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi menentukan strategi dan langkah-langkah serta memastikan agensi-agensi lain turut serta dalam menjalankan operasi penguatkuasaan bagi menjamin keberkesanan tindakan penguatkuasaan dan melicinkan perjalanan operasi.
- 4.4.3 Strategi pelaksanaan operasi penguatkuasaan hendaklah dibincangkan dalam mesyuarat ini terutama mengenai penetapan tarikh operasi peringkat pertama (operasi I) dan operasi peringkat kedua (operasi II). Demikian juga keperluan notis terakhir, peralatan, tenaga kerja dan kenderaan serta mesin yang akan digunakan.
- 4.4.4 Setiap agensi yang mempunyai sumber-sumber di atas diminta menyediakan peralatan tersebut. Komitmen dan interaksi antara agensi yang terlibat perlu diperkemaskan.

### 4.5. Pengeluaran Notis Secara Pentadbiran

- 4.5.1 Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan satu notis secara pentadbiran untuk membolehkan peneroka merobohkan sendiri rumah atau bangunan atau mengambil hasil tanaman mereka. Kaedah pengeluaran dan penyampaian notis ini hendaklah mematuhi kehendak peruntukan di bawah seksyen 431 KTN. Langkah-langkah yang dinyatakan di **Lampiran C** kepada Garis Panduan Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Penerokaan Tanah Kerajaan Dan Pengeluaran Bahan Batuan Secara Haram hendaklah dipatuhi.
- 4.5.2 Tempoh notis yang diberi adalah bergantung kepada keutamaan dan keperluan satu-satu kes. Notis yang disampaikan mestilah mempunyai bukti penyampaian agar tidak menimbulkan kekeliruan sekiranya timbul masalah.

### 4.6 Operasi Peringkat Pertama

- 4.6.1 Pewujudan dua peringkat operasi ini akan dapat menjamin keberkesanan kerja-kerja dalam penguatkuasaan berjalan dengan lancar dan tidak terganggu. Operasi I adalah bertujuan untuk memotong bekalan kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik dan telefon. Dengan ketiadaan bekalan kemudahan asas ini, penghuni digalakkan untuk merobohkan sendiri kediaman atau bangunan mereka dan berpindah.
- 4.6.2 Operasi I ini memberi peluang kepada peneroka atas dasar perikemanusiaan untuk berpindah secara sukarela dari tempat tersebut.

4.6.3 Dalam operasi I ini juga, kerjasama dari agensi-agensi seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Jabatan Bekalan Air amat diperlukan. Mereka hendaklah turut serta dengan pegawai-pegawai penguatkuasa Pejabat Tanah untuk mengambil tindakan pemotongan bekalan kemudahan asas.

#### 4.7 Operasi Peringkat Kedua

4.7.1 Peringkat ini merupakan peringkat yang penting di mana sekiranya dalam tempoh selepas peringkat **operasi I**, peneroka belum merobohkan sendiri rumah atau bangunan mereka dan keluar dari kawasan tersebut akan mengakibatkan mereka diusir secara paksa dan tindakan perobohan dilakukan.

4.7.2 Peneroka diberi tempoh masa yang sesuai untuk berpindah dan merobohkan sendiri rumah atau bangunan mereka. Keadaan ini dapat mengatasi masalah sungutan orang ramai atau peneroka yang mendakwa Pejabat Tanah tidak berlaku adil dan tidak berperikemanusiaan.

4.7.3 Dalam operasi II ini, semua tindakan perlulah dilaksanakan dengan teliti dan berwaspada. Kawalan keselamatan ke atas anggota operasi dan peralatan amatlah perlu diberi perhatian. Oleh itu, bantuan dan kerjasama dari pihak Polis adalah diperlukan dengan menempatkan anggota mereka bertugas di tempat operasi sepanjang tempoh tersebut. Kelengkapan-kelengkapan lain seperti jentolak, lori dan kakitangan yang mencukupi perlulah ditetapkan. Kadangkala perhatian dari ahli-ahli politik juga diperlukan, di samping menjemput pihak media massa membuat liputan bagi membolehkan mereka mendapat gambaran sebenar mengenai tindakan penguatkuasaan itu.

### 5. FAEDAH DAN KEBERKESANAN SISTEM

5.1 Sistem yang diterangkan dalam Pekeliling ini telahpun diamalkan oleh Pejabat Tanah Kuala Terengganu. Faedah-faedah yang dapat diperhatikan dari pelaksanaan sistem ini adalah seperti berikut:

- (i) Menjimatkan masa dan kos sama ada semasa operasi I atau operasi II dilaksanakan;
- (ii) Penangguhan dan pembatalan tindakan penguatkuasaan tidak berlaku kerana tindakan tersebut telah dibincangkan dalam Mesyuarat JPPD;
- (iii) Di peringkat jabatan/agensi pula, tenaga kerja dapat dijitamkan. Agensi-agensi seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Jabatan Bekalan Air, Majlis Perbandaran/Majlis Daerah dan Jabatan Kerja Raya yang mempunyai kepakaran masing-masing dapat meluangkan masa dan tenaga pada hari yang telah ditetapkan;
- (iv) Kawalan keselamatan adalah terjamin kerana pihak Polis telah diminta dan bersetuju untuk mengadakan kawalan tersebut;
- (v) Komitmen kakitangan Pejabat Tanah dan agensi-agensi lain dapat disepadukan dalam satu pasukan di bawah Jawatankuasa Petugas Penguatkuasaan Daerah.

### 6. PENUTUP

- 6.1 Panduan ini menggariskan langkah-langkah penting di dalam menguruskan tindakan penguatkuasaan ke atas penerokaan tanah Kerajaan secara haram yang dilaksanakan oleh Pentadbiran Tanah Negeri dan Daerah.
- 6.2 Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya menerima pakai garis panduan yang disediakan dalam Pekeliling ini semasa menguruskan tindakan penguatkuasaan di daerah masing-masing.

GARIS PANDUAN  
TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PENEROKAAN  
TANAH KERAJAAN DAN PENGELUARAN BAHAN BATUAN  
SECARA HARAM

## 1. TUJUAN

Garis Panduan ini adalah bertujuan mengurangkan tatacara tindakan penguatkuasaan ke atas penerokaan dan lain-lain di atas tanah Kerajaan dan pengeluaran atau pengalihan bahan batuan secara haram untuk diguna pakai oleh Pentabiran Tanah Negeri.

## 2. LATAR BELAKANG

2.1. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 3 September 1997 telah membuat keputusan supaya Y. Bhg. Ketua Setiausaha Negara menyusul persetujuan di dalam perkara-perkara berikut:

- (i) mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai Kerajaan di peringkat daerah yang lalai dan tidak mengambil tindakan penguatkuasaan sewajarnya sehingga kegiatan-kegiatan seperti mengambil pasir di pantai dan sungai dan meneroka tanah Kerajaan dan tanah simpanan hutan secara haram menjadi berleluasa;
- (ii) menyediakan garis-garis panduan dan peraturan-peraturan dengan lengkap bagi memastikan pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat, terutamanya yang bertugas di peringkat daerah menjalankan tugas mereka dengan cekap dan berkesan. Pegawai-pegawai yang tidak menjalankan tanggungjawabnya itu hendaklah dikenakan tindakan tatatertib termasuk menahan kenaikan pangkat dan surcaj;
- (iii) tidak perlu diwujudkan jawatan-jawatan baru untuk menangani masalah penerokaan tanah Kerajaan secara haram. Apa yang perlu dilakukan ialah mewujudkan sistem laporan dan pemantauan yang berkesan di peringkat pentadbiran daerah dan tempatan.

### 2.2. Jenis-Jenis Kesalahan

- (i) Kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan di dalam garis panduan ini ialah bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen-seksyen 425(1), 426(1) dan 426(1A) Kanun Tanah Negara (KTN). Di bawah seksyen 425(1), terdapat sembilan jenis kesalahan yang berlainan seperti berikut:
  - (a) menduduki atau mendirikan apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah Kerajaan, tanah rizab atau tanah lombong; atau
  - (b) membersihkan, membajak, menggali, mengepung atau menanam di atas mana-mana tanah tersebut sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya; atau
  - (c) memotong atau mengeluarkan apa-apa kayu-kayuan atau hasil kayuan yang terdapat di atas atau dari tanah tersebut.
- (ii) Manakala di bawah seksyen 426(1), terdapat enam jenis kesalahan iaitu:
  - (a) mengeluarkan, mengalih atau mengangkut atau membenarkan pengeluaran, pengalihan, atau pengangkutan bahan batuan dari mana-mana tanah.
- (iii) Di bawah seksyen 426(1A) pula terdapat enam jenis kesalahan iaitu:
  - (a) anggapan mengeluarkan, mengalih atau mengangkut atau anggapan membenarkan untuk



pengeluaran, pengalihan atau pengangkutan bahan batuan dari mana-mana tanah.

### 2.3. Jenis-Jenis Tanah Yang Terlibat

(i) Di bawah seksyen 425(1) KTN, tindakan penguatkuasaan diambil apabila kesalahan-kesalahan tersebut dilakukan di atas tanah Kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong. Bagi maksud seksyen ini, tanah Kerajaan ialah:

(a) semua tanah di dalam negeri itu selain dari tanah bermilik, tanah rizab, tanah lombong dan hutan simpan; dan

(b) semua tanah yang dipegang oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Berkanun yang menjalankan kuasanya yang diberikan oleh Undang-undang Persekutuan atau Negeri.

Manakala tanah rizab pula ialah semua tanah rizab yang dirizabkan untuk maksud awam di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

(ii) Di bawah seksyen 426(1) dan 426(1A) KTN pula, tindakan penguatkuasaan diambil apabila kesalahan-kesalahan tersebut dilakukan di atas mana-mana tanah sama ada tanah Kerajaan, tanah bermilik, tanah rizab, tanah lombong atau hutan simpan dan sebagainya.

### 3. KUASA DAN TANGGUNGJAWAB PIHAK BERKUASA NEGERI

3.1. Seksyen 16(1) KTN memperuntukkan bahawa Pengarah Tanah dan Galian Negeri bagi Pihak Berkuasa Negeri mempunyai bidang kuasa yang luas di dalam memulakan, mendakwa dan menjalankan apa-apa tindakan guaman atau lain-lain prosiding berkenaan dengan tanah Kerajaan, apa-apa pencerobohan atau kesalahan-kesalahan lain yang dilakukan mengenai tanah, mendapatkan bayaran apa-apa denda atau penguatkuasaan apa-apa penalti dan sebagainya.

3.2. Di dalam melaksanakan apa-apa tindakan guaman atau prosiding lain Pengarah Tanah dan Galian Negeri bolehlah hadir dengan sendiri atau boleh diwakili oleh mana-mana peguambela atau peguamcara, mana-mana peguam Persekutuan, Penasihat Undang-undang Negeri atau mana-mana Pentadbir Tanah atau pegawai lain yang dilantik di bawah subseksyen (1) seksyen 12 KTN.

### 4. PENDEKATAN PENGUATKUASAAN

4.1 Tindakan penguatkuasaan ke atas penerokaan tanah Kerajaan dan pengeluaran bahan batuan secara haram perlu dilaksanakan secara bersepadu dan memerlukan kerjasama daripada semua jabatan dan agensi yang berkaitan.

4.2 Di dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan aspek-aspek teknikal, kewangan, strategi, keselamatan, peralatan, perisikan, perundangan dan jabatan yang terlibat hendaklah diambil kira supaya tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

4.3 Oleh yang demikian, satu Jawatankuasa Perancang dan Penguatkuasaan Tanah Haram Negeri (JPPTHN) dan Jawatankuasa Petugas Penguatkuasaan Daerah (JPPD) hendaklah ditubuhkan di setiap negeri yang dianggotai oleh pelbagai jabatan/agensi yang berkaitan. Keahlian dan bidang tugas kedua-dua jawatankuasa ini adalah masing-masing seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

4.4 Pihak Berkuasa Negeri bolehlah mengubahsuai keahlian bagi kedua-dua jawatankuasa tersebut

mengikut keperluan dan kesesuaian negeri masing-masing. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur keanggotaan jawatankuasa tersebut hendaklah disesuaikan dengan kedudukan dan keperluannya sebagai Wilayah Persekutuan.

## **5. MODUS OPERANDI PERANCANGAN DAN TINDAKAN**

### **5.1. Peringkat Perancangan dan Penentuan Dasar**

- (i) JPPTHN mengadakan mesyuarat secara berjadual untuk merangka dan menentukan dasar mengenai penerokaan tanah Kerajaan dan pengeluaran atau pengalihan bahan batuan secara haram serta membincangkan isu dan masalah serta pelan tindakan bagi mengatasi masalah tersebut.
- (ii) Jawatankuasa ini akan menyelaras dan memberi arahan kepada JPPD dan jabatan atau agensi yang terlibat mengenai dasar-dasar Kerajaan berhubung penerokaan tanah Kerajaan dan pengeluaran bahan batuan secara haram.

### **5.2. Peringkat Mendapat Maklumat dan Mengenal Pasti Masalah**

- (i) Pentabir Tanah mengarahkan pegawai Petempatan mencatatkan maklumat mengenai sesuatu kesalahan di bawah seksyen 425 atau 426 KTN yang dilaporkan secara lisan dan bertulis atau dengan pengetahuan Pentabir Tanah atau Pegawai Petempatan sendiri di dalam buku laporan dengan mematuhi kehendak seksyen 107 Presedur Jenayah (KPJ)
- (ii) Pentabir Tanah mengarahkan Pegawai Petempatan untuk mengkaji kes atau membuat siasatan. Pegawai petempatan membuka fail siasatan dan menjalankan siasatan. Jika ada kes, pegawai petempatan menyediakan laporan lengkap dan mengemukakan kepada JPPD.
- (iii) JPPD mengadakan mesyuarat untuk membincangkan laporan tersebut dan pelan tindakan operasi penguatkuasaan. Sekiranya kes tersebut tidak mendapat persetujuan atau sukar untuk mengambil tindakan penguatkuasaan, maka perkara itu hendaklah di rujuk kepada JPPTHN untuk membuat keputusan.

### **5.3. Peringkat Pelan Tindakan**

- (i) JPPD Akan mengadakan mesyuarat untuk merancang pelan tindakan penguatkuasaan apabila menerima laporan lengkap daripada pegawai petempatan ataupun arahan daripada JPPTHN bagi kes yang dirujuk oleh jawatankuasa tersebut.
- (ii) Dalam membuat keputusan mengenai bentuk tindakan penguatkuasaan, Jawatankuasa perlu melihat kepada jenis-jenis kesalahan yang dilakukan dan status tanah yang terlibat.
- (iii) Setelah mengadakan perbincangan dan mendapat persetujuan daripada ahli-ahli jawatankuasa. Pentabir tanah mengarahkan unit penguatkuasaan di di Pejabat Tanah dan Galian atau Pejabat Tanah untuk mengadakan operasi penguatkuasaan mengikut peruntukan di bawah KTN . Kaedah-Kaedah Tanah Negeri dan undang-undang yang berkaitan serta dasar Tanah Haram Negeri.

### **5.4. Peringkat Operasi**

- (i) JPPD hendaklah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan strategi operasi apabila apabila menerima laporan daripada Pegawai Petempatan atau arahan daripada JPPTHN.

- (ii) Pentadbir Tanah akan berperanan sebagai ketua operasi dan mengarahkan dengan mengeluarkan notis secara pentadbiran dengan memberi tempoh masa yang sesuai jika perlu (bagi kes setingan)
- (iii) JPPD hendaklah mengatur strategi dan membuat persediaan yang rapi dan mengambil kira aspek-aspek teknikal, kewangan, strategi, keselamatan, peralatan, kenderaan, perundangan, jabatan/agensi yang terlibat dan sebagainya.

### 5.5. Peringkat Tindakan Susulan

- (i) Setelah operasi penguatkuasaan dilaksanakan, Pentadbir Tanah hendaklah melaporkan hasil tindakan tersebut kepada Urusetia JPPTHN.
- (ii) Laporan tersebut hendaklah dibentangkan dalam Mesyuarat JPPTHN yang bersidang dari semasa ke semasa.
  - (iii) Segala masalah yang berbangkit mengenai tindakan penguatkuasaan tersebut seperti campur tangan pemimpin politik, tindakbalas oleh peneroka-peneroka atau berlaku penerokaan semula atau pengeluaran bahan batuan semula akan dibentangkan di dalam Mesyuarat JPPTHN untuk tindakanselanjutnya.
  - (iv) JPPTHN akan mencadangkan strategi jangka panjang kepada pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah penerokaan tanah Kerajaan secara haram seperti membangunkan kawasan yang terlibat oleh agensi-agensi Kerajaan ataupun mengadakan program penempatan semula penduduk yang terlibat di rumah-rumah kos rendah dan sebagainya.

## 6. PROSEDUR TINDAKAN PENGUATKUASAAN

### 6.1 Kesalahan-Kesalahan Di Bawah Seksyen 425 dan 426 KTN:

- (i) Kegiatan penerokaan dan lain-lain di atas tanah Kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong dan juga pengeluaran atau pengalihan bahan batuan dari mana-mana tanah secara haram adalah melakukan kesalahan dan jika sabit boleh dikenakan denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- (ii) Pegawai-pegawai yang diwartakan di bawah seksyen 12 KTN sahaja mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan tindakan penguatkuasa di bawah seksyen 426A KTN dan apa-apa prosiding mahkamah.

### 6.2. Tindakan Penguatkuasaan

- (i) Pentadbir Tanah mengarahkan Pegawai Petempatan mencatatkan maklumat mengenai sesuatu kesalahan di bawah seksyen 425 atau 426 KTN yang dilaporkan secara lisan, bertulis atau dengan pengetahuan Pentadbir Tanah atau Pegawai Petempatan sendiri di dalam buku laporan dengan mematuhi kehendak seksyen 107 KPJ.
- (ii) Pentadbir Tanah hendaklah melantik Pegawai Petempatan sebagai pegawai penyiasat dan mengarahkannya menjalankan siasatan untuk mengkaji kesahihan kes tersebut. Pegawai Petempatan hendaklah menyediakan laporan lengkap mengenai kes tersebut yang mengandungi jenis-jenis kesalahan, status tanah, lokasi dan bilangan orang yang terlibat dan mengemukakan kepada JPPD untuk membuat keputusan tentang penguatkuasaan.
- (iii) JPPD mengadakan mesyuarat untuk membincangkan kes tersebut dan pelan tindakan operasi penguatkuasaan. Jika bersetuju Pentadbir Tanah mengarahkan Unit Penguatkuasa di Pejabat Tanah dan Galian atau Pejabat Tanah menjalankan operasi penguatkuasaan. Sekiranya kes tersebut tidak mendapat

persetujuan atau sukar untuk menjalankan penguatkuasaan, ianya hendaklah dirujuk kepada JPPTHN untuk membuat keputusan.

(iv) Pentadbir Tanah hendaklah bertindak sebagai ketua operasi dan memberi apa-apa arahan mengenai penguatkuasaan. Perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian sebelum menjalankan operasi penguatkuasaan, iaitu:

- (a) kakitangan yang mencukupi;
- (b) mendapat bantuan Polis;
- (c) membawa peralatan seperti kad kuasa, buku catatan, kamera dan sebagainya;
- (d) kenderaan yang sesuai;
- (e) tarikh, masa berlepas dan tempat berkumpul anggota;
- (f) memberi taklimat ringkas mengenai pelan tindakan;
- (g) bekalan dan keperluan lain anggota (jika perlu).

(v) Di bawah seksyen 426A(1) KTN, pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas, Pendaftar, Pentadbir Tanah, Pegawai Petempatan dan pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri sahaja mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan. Pentadbir Tanah dan pegawai-pegawai lain yang diberi kuasa semasa menjalankan tugas penguatkuasaan boleh tanpa waran:

- (a) menangkap orang yang melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 425 dan 426 KTN;
  - (b) merampas apa-apa kenderaan atau peralatan yang dipercayai telah atau sedang digunakan dalam melaksanakan suatu kesalahan di bawah seksyen-seksyen tersebut; dan
  - (c) memusnahkan atau mengalihkan mana-mana bangunan yang dibina atau mengambil milik apa-apa tanaman yang ditanam di atas tanah-tanah tersebut.
- (vi) Di dalam melaksanakan tindakan-tindakan tersebut, Pentadbir Tanah hendaklah mematuhi prosedur mengenai tangkapan dan perampasan di bawah seksyen-seksyen 426A, 426B, 426C KTN dan seksyen 15 KPJ dan juga membuat laporan polis sebaik sahaja tindakan penguatkuasaan selesai dijalankan dan mendapatkan salinan laporan tersebut.

### 6.3. Prosedur Pendakwaan

(i) Pegawai Petempatan menyediakan draf pertuduhan dan mengemukakannya beserta dengan fail siasatan dan pengesyoran kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri untuk arahan selanjutnya. Dalam pada itu Pegawai Petempatan hendaklah menyelenggarakan suatu buku catatan penyiasatan dengan mencatat segala tindakan yang telah diambil sejak bermula siasatan.

(ii) Pengarah Tanah dan Galian Negeri mengembalikan fail siasatan dan memberi arahan selanjutnya. Sekiranya beliau memutuskan supaya diambil tindakan mahkamah, maka Pegawai Petempatan hendaklah menyediakan:

- (a) Pengaduan [Borang yang digunakan ialah Mahkamah 143-Pin. 1180];
- (b) Saman [Borangnya ialah Mahkamah 111-Pin. 1185]; dan
- (c) Pertuduhan [Borangnya ialah Mahkamah 113-Pin. 3/85 (jika lebih seorang) atau Mahkamah 114(jika seorang)].

Tiap-tiap satu hendaklah dibuat 6 salinan iaitu 3 salinan untuk mahkamah, 2 salinan untuk fail dan 1 salinan untuk orang kena tuduh.

- (iii) Pegawai Petempatan mengemukakan borang-borang tersebut kepada Pendaftar Mahkamah untuk diluluskan, didaftarkan dan diberi tarikh sebutan. Pendaftar Mahkamah mengembalikan borang-borang itu kepada Pegawai Petempatan untuk diserahkan kepada orang kena tuduh.
- (iv) Pegawai Petempatan menyerahkan tugas dan fail siasatan kepada pegawai pendakwa untuk meneruskan tindakan. Pegawai Pendakwa menyampaikan saman kepada orang kena tuduh mengikut seksyen-seksyen 35, 36 dan 37 KPJ dan menyediakan fakta kes (sebagai persediaan jikalau orang kena tuduh mengaku bersalah).
- (v) Pegawai Pendakwa memaklumkan tarikh sebutan kes kepada Pegawai Petempatan (yang menyimpan barang-barang kes) tuan punya barang-barang kes (yang diikat bon) supaya membawa barang-barang tersebut ke hadapan mahkamah serta menyediakan sijil penaksiran kerosakan di bawah seksyen 426(2) KTN.
- (vi) Pegawai Pendakwa hendaklah memastikan Pegawai Petempatan hadir dan semua barang kes ada pada hari sebutan kes. Pegawai Pendakwa akan menghuraikan fakta kes dan mengemukakan barang-barang kes semasa mahkamah bersidang. Sekiranya orang kena tuduh bersetuju dengan fakta kes dan mengaku bersalah dengan memohon hukuman yang ringan, maka Pegawai Pendakwa boleh memohon dikenakan hukuman berat dan barang-barang kes dirampas mengikut seksyen 426C (1) KTN atau memohon orang kena tuduh membayar ganti rugi mengikut sijil penaksiran jika kes di bawah seksyen 426 KTN.
- (vii) Apabila mahkamah menjatuhkan hukuman, Pegawai Pendakwa hendaklah melaporkan keputusan kes tersebut kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan memohon arahan sama ada hendak merayu atau tidak di atas hukuman atau rampasan barang kes dalam tempoh 10 hari mengikut seksyen 307 KPJ.
- (viii) Jika orang kena tuduh tidak bersetuju dengan fakta kes, Pegawai Pendakwa boleh membuat pindaan atau meminta kes dibicarakan dan mahkamah akan menetapkan tarikh perbicaraan.
- (ix) Pegawai Pendakwa memohon supaya orang kena tuduh diikat jamin dengan mencadangkan amaun dan bilangan penjamin mengikut peruntukan seksyen 387 KPJ dan boleh juga memohon mahkamah ikat bon ke atas barang-barang kes.
- (x) Pegawai Pendakwa menulis surat kepada mahkamah memohon dikeluarkan sapina kepada saksi-saksi utama dan sapina hendaklah disampaikan kepada penama sendiri berdasarkan seksyen 35 KPJ.
- (xi) Pegawai Pendakwa menyediakan senarai unsur-unsur yang perlu dibuktikan, ringkasan keterangan, pertuduhan yang dipinda, pertuduhan-pertuduhan alternatif, fakta kes dan juga sijil penaksiran kerosakan untuk perbicaraan.
- (xii) Pegawai Pendakwa hendaklah membuka kesnya dengan menyatakan secara ringkas jenis kesalahan tertuduh dan mengemukakan keterangan sebagai bukti bahawa orang kena tuduh bersalah. Mahkamah akan membuat keputusan selepas kes pendakwa selesai sama ada buang kes atau memanggil orang kena tuduh membuat pembelaan.
- (xiii) Apabila selesai kes pembelaan, mahkamah akan membuat keputusan. Jika orang kena tuduh tidak bersalah, maka diperintahkan dibebaskan. Sebaliknya jika orang kena tuduh disabitkan bersalah, maka mahkamah menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang.
- (xiv) Pegawai Pendakwa hendaklah melaporkan keputusan mahkamah kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri apabila kes tersebut selesai.

#### 6.4. Langkah-Langkah Utama Tindakan Penguatkuasaan Bagi Kesalahan Kesalahan Di Bawah Seksyen 425 dan 426 KTN

- (i) Langkah-langkah utama mengenai tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan meneroka tanah Kerajaan dan pengeluaran atau pengalihan bahan batuan secara haram adalah dibentangkan di **Lampiran C.**

#### LAMPIRAN A

### **JAWATANKUASA PERANCANG DAN PENGUATKUASAAN TANAH HARAM NEGERI**

#### **1. Pengerusi:**

YA.B. Menteri Besar/Ketua Menteri

**2. Ahli-Ahli:**

- 1 YB. Setiausaha Kerajaan Negeri
- 2 Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri
- 3 YB. Pegawai Kewangan Negeri
- 4 Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
- 5 Pengarah Tanah dan Galian Negeri
- 6 Ketua Polis Negeri
- 7 Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan Negeri
- 8 Pen gurus Besar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
- 9 Pegawai Kemajuan Negeri
- 10 Pengarah Jabatan Hutan Negeri
- 11 Pengarah Ukur Negeri
- 12 Pengarah Jabatan Parit dan Saliran Negeri
- 13 Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri
- 14 Semua Pentadbir Tanah Daerah
- 15 Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Majlis Daerah
- 16 Unit Perumahan, Setiausaha Kerajaan Negeri
- 17 Unit Kerajaan Tempatan, Setiausaha Kerajaan Negeri

**3. Urusetia:**

Unit Penguatkuasa, Pejabat Pengarah Tanah Dan Gahan

**BIDANG TUGAS  
JAWATANKUASA PERANCANG DAN  
PENGUATKUASAAN TANAH HARAM NEGERI**

1. Mengenalpasti isu-isu dan masalah-masalah penerokaan tanah Kerajaan dan pengeluaran atau pengalihan bahan batuan secara haram;
2. Merangka dan menentukan dasar mengenai penerokaan tanah Kerajaan dan pengeluaran atau pengalihan bahan batuan;
3. Merancang pelan tindakan dari masa ke semasa mengenai tindakan yang perlu diambil oleh agensi-agensi yang terlibat terhadap penerokaan tanah Kerajaan dan pengeluaran bahan batuan secara haram;
4. Memastikan Unit Penguatkuasa di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian atau Pejabat Tanah mempunyai kakitangan terlatih, peruntukan kewangan dan peralatan moden yang mencukupi untuk menjalankan tugas-tugas mereka;
5. Menyelaras dan memberi arahan kepada jabatan/agensi masing-masing yang menganggotai operasi penguatkuasaan di peringkat negeri/daerah serta menentukan tugas dan tanggungjawab mereka;
6. Menerima maklumbalas daripada urusetia di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dan mengadakan mesyuarat secara berjadual, sekurang-kurangnya tiga bulan sekali bagi membincangkan isu, masalah dan maklumbalas mengenai masalah tersebut;
7. Mengenalpasti cara-cara pencegahan keatas penerokaan tanah Kerajaan secara haram;
8. Memastikan pegawai-pegawai Kerajaan menjalankan tugas penguatkuasaan dengan cekap dan berkesan dan mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai-pegawai yang cuai dan tidak menjalankan tanggungjawab mereka;
9. Mewujudkan sistem laporan dan pemantauan yang berkesan di peringkat Pentadbiran Tanah Negeri dan memanjangkan kepada labatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian untuk dimaklumkan kepada lemaah Menteri; dan
10. Merangka satu program latihan yang terperinci mengenai penguatkuasaan dan pendakwaan di bawah Kanun Tanah Negara untuk dilaksanakan oleh Pentadbiran Tanah Negeri.



**LAMPIRAN B**  
**JAWATANKUASA**  
**PETUGAS PENGUATKUASAAN DAERAH**

**1. Pengerusi:**

Pentadbir Tanah

**2. Ahli-Ahli:**

- 1 Wakil YA.B Menteri Besar/Ketua Menteri
- 2 Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Majlis Daerah
- 3 Penolong Pengarah Tanah dan Galian Negeri (Unit Penguatkuasaan)
- 4 Jurutera Jabatan Parit dan Saliran Daerah
- 5 Jurutera labatan Kerja Raya Daerah
- 6 Ketua Polis Daerah
- 7 Juru ukur Daerah.
- 8 Pengurus Telekom Kawasan
- 9 Pengurus Tenaga Nasional Kawasan
- 10 Pegawai Perhutanan Daerah.
- 11 Pegawai Urusetia Keselamatan Daerah
- 12 Jabatan Bekalan Air Daerah
- 13 Wakil jabatan/agensi terlibat

**3. Urusetia:**

Pejabat Tanah Daerah

## **BIDANG TUGAS**

### **JAWATANKUASA PETUGAS PENGUATKUASAAN DAERAH**

1. Mengkaji secara terperinci untuk mengenalpasti penerokaan tanah Kerajaan dan pengeluaran atau pengalihan bahan batuan secara haram dari segi lokasi, masalah-masalah dan sebab-sebab berlakunya fenomena tersebut dan melaporkannya kepada JPPTHN;
2. Mengumpul dan menjaga rekod-rekod mengenai kes-kes penerokaan tanah Kerajaan dan pengeluaran atau pengalihan bahan batuan secara haram serta dasar-dasar dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh JPPTHN;
3. Memperolehi maklumat dan mengeluarkan arahan-arahan kepada Unit Penguatkuasa serta menyusun strategi operasi penguatkuasaan di peringkat daerah masing-masing;
4. Mewujudkan sistem laporan dan pemantauan yang berkesan di peringkat Pentadbiran Tanah Daerah bagi kes-kes penerokaan tanah Kerajaan dan pengeluaran atau pengalihan bahan batuan secara haram dan memanjangkannya kepada Urusetia JPPTHN.
5. Mengadakan mesyuarat bersama secara berjadual, sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk membincangkan dan menyelaras isu-isu, masalah dan tindakan penguatkuasaan ke atas penerokaan tanah Kerajaan dan pengeluaran atau pengalihan bahan batuan secara haram;
6. Mengadakan perisik dan rondaan bersama dari semasa ke semasa serta melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu di daerah masing-masing serta membuat penyelarasan dari aspek-aspek teknikal, keselamatan, peralatan, kenderaan, jentera, kewangan dan sebagainya; dan
7. Mengemukakan maklumbalas mengenai tindakan penguatkuasaan dan merujuk kes-kes yang tidak dapat diselesaikan dan bermasalah kepada JPPTHN.

LAMPIRAN C

**LANGKAH-LANGKAH UTAMA TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 425 DAN 426 KTN**

Langkah utama	Perhatian	Rujukan
<p>1. Pentadbir Tanah (PT) mengarahkan Pegawai Petempatan (PP) mengkaji kes penerokaan tanah Kerajaan atau pengeluaran bahan batuan secara haram.</p> <p>2. PT mengadakan mesyuarat JPPD membincangkan laporan kes tersebut.</p> <p>3. PT mengarahkan Unit Penguatkuasa menjalankan operasi penguatkuasaan.</p>	<p>1.1 Maklumat hendaklah dicatatkan di dalam buku laporan dengan memenuhi kehendak seksyen 107 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ).</p> <p>1.2 PP membuka fail siasatan dan menjalankan siasatan untuk mengkaji kesahihan kes PP menyediakan laporan lengkap yang mengandungi jenis-jenis kesalahan, status tanah, lokasi dan bilangan orang yang terlibat dan mengemukakannya kepada JPPD untuk membuat keputusan.</p> <p>2.1 Mesyuarat hendaklah diadakan secara berjadual sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membincangkan isu dan masalah mengenai penercikan tanah kerajaan dan pengeluaran bahan batuan secara haram.</p> <p>2.2 Sekiranya kes tersebut tidak mendapat persetujuan daripada ahli mesyuarat, ianya hendaklah dirujuk kepada JPPTHN untuk membuat keputusan.</p> <p>2.3 Jika setuju; JPPD membincangkan pelan tindakan untuk openisi penguatkuasaan dan memberi arahan kepada Unit Penguatkuasa di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian atau Pejabat Tanah dan jabatan/ agensi yang berkaitan.</p> <p>3.1 Perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian sebelum menjalankan operasi penguatkuasaan:</p> <p>(i) kakitangan yang mencukupi;</p> <p>(ii) mendapat bantuan Polis;</p> <p>(iii) membawa peralatan seperti kad kuasa, buku catatan, kamera</p>	<p>Seksyen 107 KPJ</p> <p>Seksyen 426(1 ) KTN Seksyen 426(2) KTN Seksyen 15 KPJ Seksyen 27 KPJ Seksyen 426A, 426B dan 426C KTN serta seksyen 16 KPJ Seksyen 35, 36 dan 37 KPJ Seksyen 307 KPJ</p>

	<p>dan sebagainya;</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(iv) kenderaan yang sesuai;</li><li>(v) tarikh dan masa berlepas serta tempat berkumpul anggota;</li><li>(vi) memberi taklimat ringkas mengenai pelan tindakan;</li><li>(v) bekalan dan keperluan lain anggota.</li></ul> <p>3.2 Pegawai yang dinyatakan di bawah seksyen 426A( D) Kanun Tanah Negara (KTN) sahaja mempunyai bidang kuasa tanpa waran untuk mengambil tindakan di bawah seksyen 426A(1)(a), (b) dan (c) KTN</p> <p>3.3 Sekiranya ada tangkapan dibuat, prosedur berikut hendaklah diikuti:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) perkenalkan diri dan tunjukkan kad kuasa;</li><li>(ii) meminta orang berkenaan menunjukkan apa-apa dokumen yang membenarkannya meneroka tanah atau mengeluarkan bahan batuan;</li><li>(iii) beritahu padanya bahawa perbuatan itu adalah satu kesalahan di bawah seksyen 425 atau 426 KTN dan ia akan ditangkap. Tangkapan hendaklah dibuat mengikut seksyen 15 KPJ;</li><li>(iv) menyerahkan orang yang ditangkap kepada polis yang turut serta dalam operasi atau jika tidak ada, serahkan orang itu dengan tidak berlengah-lengah ke balai polis yang berdekatan;</li><li>(v) mencatatkan butir-butir peribadi orang yang ditangkap; dan</li><li>(vi) melukis pelan lakar bagi kawasan yang diteroka.</li></ul> <p>3.4 Prosedur berikut hendaklah diikuti sekiranya ada perampasan barang:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) senaraikan barang-barang yang dirampas dan ditanda serta disimpan di tempat yang selamat, barang-barang kecil hendaklah dibungkus dan dimeteraikan;</li><li>(ii) jika ada barang-barang yang perlu dirujuk kepada pakar-pakar tertentu (seperti ahli geologi dan</li></ul>	
--	--	--

<p>4. PT membuat laporan polis.</p> <p>5. PP menyediakan draf pertuduhan dan mengemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG).</p> <p>6. PTG mengembalikan fail siasatan dan memberi arahan sama ada mengambil tindakan mahkamah atau tidak.</p> <p>7. PP mengemukakan borang-borang kepada Pendaftar Mahkamah untuk diluluskan, didaftarkan dan diberi tarikh sebutan.</p> <p>8. PO menyampaikan saman kepada OKT.</p> <p>9. PO hadir ke mahkamah untuk sebutan kes.</p> <p>10. PO hadir ke mahkamah pada</p>	<p>pakar kimia) hendaklah dihantar dengan segera dan dapatkan laporan;</p> <p>(iii) hantarkan satu salinan senarai barang yang dirampas kepada tuannya; dan</p> <p>(iv) barang-barang yang dirampas hendaklah disimpan mengikut seksyen 426A (1) (b), 428B (2) (a) dan (b) 426C (6) KTN mengikut kategori barang.</p> <p>4.1 Laporan itu hendaklah dibuat sebaik sahaja selesai operasi penguatkuasaan dan dapatkan salinan laporannya.</p> <p>5.1 Draf perlu dihantarkan berserta dengan fail siasatan dan pengesyoran PP kepada PTG untuk arahan selanjutnya.</p> <p>5.2 PP juga perlu menyelenggarakan suatu buku catatan penyiasatan dengan mencatat segala tindakan yang diambil sejak bermula siasatan.</p> <p>6.1 Sekiranya PTG mengarahkan diambil tindakan mahkamah, PP hendaklah inenediakan perkara-perkara berikut:</p> <p>(i) Pengaduan (Boningnya ialah Mahkamah 143-Pin. 1180);</p> <p>(ii) Saman (Borangnya ialah Mahkamah III-Pin. 1185); dan</p> <p>(iii) Pertuduhan (Borangnya ialah Mahkamah 113-Pin. 3/85 (jika lebih seorang) atau Mahkamah 114 (jika seorang)).</p> <p>6.2 Tiap-tiap satu borang itu hendaklah dibuat 6 salinan iaitu 3 salinan untuk mahkamah, 2 salinan untuk fail dan 1 salinan untuk orang kena tuduh (OKT).</p> <p>7.1 Pendaftar akan mengembalikan borangborang itu kepada PP untuk diserahkan kepada OKT.</p> <p>7.2 PP menyerahkan tugas dan fail siasatan kepada Pegawai Pendakwa (PO) untuk meneruskan tindakan.</p> <p>8.1 Saman hendaklah disampaikan mengikut seksyen-seksyen 35, 36 dan 37 KPJ.</p> <p>8.2 PO menyediakan fakta kes sebagai persediaan jika OKT mengaku bersalah.</p>	
--	--	--

<p>hari perbicaraan.</p>	<p>9.1 PO akan menghuraikan fakta kes pada hari sebutan.</p> <p>9.2 Sekiranya OKT mengaku bersalah, PO boleh memohon dikenakan hukuman berat dan barang kes dirampas atau membayar ganti rugi mengikut sijil penaksiran bagi kes di bawah seksyen 426 KTN.</p> <p>9.3 PO melaporkan keputusan kepada PTG dan memohon arahan sama ada hendak merayu atau tidak di atas hukuman dalam tempoh 10 hari.</p> <p>9.4 Sekiranya OKT tidak mengaku bersalah, PO boleh membuat pindaan pertubuhan atau meminta kes dibicarakan dan memohon supaya OKT diikat jamin dan barang diikat bon serta meminta mahkamah mengeluarkan sepina kepada saksi-saksi utama pendakwa. Sepina hendaklah disampaikan mengikut seksyen 35 KPJ</p> <p>9.5 PO menyediakan senarai unsur yang perlu dibuktikan, ringkasan keterangan, pertuduhan yang dipinda, pertuduhan-pertuduhan alternatif, faktakes dan sijil penaksiran kerosakan.</p> <p>10.1 PO membuka kesnya dengan menyatakan secara ringkas jenis kesalahan tertuduh dan mengemukakan keterangan sebagai bukti bahawa OKT bersalah.</p> <p>10.2 Sekiranya mahkamah memutuskan supaya OKT membuat pembelaan, PO akan menghujah pada kes pembelaan.</p> <p>10.3 Apabila mahkamah membuat keputusan sama ada buang kes atau disabitkan kesalahan, PO hendaklah melaporkan kepada PTG dan memohon sama ada hendak merayu atau tidak di atas hukuman.</p>	
--------------------------	---	--